

17/04/2000

Kekalkan keharmonian demi pembangunan negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Keharmonian yang dinikmati pelbagai kaum di negara ini perlu dikekalkan bagi memastikan usaha menjana pembangunan negara selepas kegawatan ekonomi dua tahun, dapat diteruskan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keunikan negara yang berasaskan keutuhan perpaduan masyarakat yang berbeza agama, adat resam dan kebudayaan amat penting bagi keamanan dan kemakmuran yang dikecapi sekarang.

"Gandingan semua faktor ini bersama kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, rakyat mampu menggerakkan semula pembangunan ekonomi yang pesat selaras dengan matlamat mencapai taraf negara maju.

"Walaupun begitu, dalam usaha mengejar kemajuan, masyarakat perlu berpegang pada budaya dan tradisi yang menjadi amalan turun temurun bagi memastikan generasi muda masih memiliki perwatakan yang bermoral tinggi.

"Sejarah, khususnya asal usul dan perjuangan nenek moyang kita perlu dijadikan iktibar untuk terus maju," katanya ketika berucap dalam majlis makan malam Persidangan Persatuan Keturunan Lim Hainan di sini, hari ini.

Persatuan Keturunan Lim Hainan Malaysia menjadi tuan rumah persidangan kali ke-12 itu yang turut dihadiri mereka yang berketurunan Lim berbangsa Hainan dari Singapura dan Thailand.

Kata Dr Ling, kebanyakan masyarakat Hainan berhijrah ke sini beratus tahun lalu dengan hanya sehelai sepinggang dan membantu pembangunan negara dengan menceburi pelbagai bidang ekonomi.

(END)